

**SURAT PEKELILING DALAMAN**  
**PUSTAKA/100-1/1/2 /JLD.1(024)**

Kepada : Semua Staf Pustaka Negeri Sarawak  
Perkara : Kadar Jamuan untuk Aktiviti dan Mesyuarat  
Tarikh : 19-02-2024

## 1.0 TUJUAN

1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memperincikan surat pekeliling dalaman yang telah dikeluarkan sebelum ini iaitu PUSTAKA/100-1/1/2/Jld.1 (012) bertarikh 16 Mac 2022 berkaitan Kadar jamuan untuk aktiviti/mesyuarat.

## 2.0 TAKRIFAN

2.1 Berikut merupakan senarai takrif istilah yang digunakan dalam surat pekeliling ini.

- a) **Kadar** merupakan had yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak
- b) **Jamuan** bermaksud makanan atau minuman yang disediakan oleh pihak katering samada secara bufet (*buffet*), hidang (*pre-plated*) atau bungkus (*packed food*) atau yang dibekalkan di pantri staf.
- c) **Aktiviti** adalah termasuk program, latihan, taklimat, perbincangan, pemurnian, yang di adakan secara *on site* atau *off site* orang awam/agensi luar.
- d) **Mesyuarat** yang diadakan secara *on site* atau *off site* orang awam/agensi luar.
- e) **On site** dan **Off site** di dalam pekeliling ini membawa maksud di mana lokasi atau tapak Aktiviti dan Mesyuarat itu di adakan.  
**On site** : di dalam kampus sahaja  
**Off site** : di luar kampus atau di luar kawasan  
(daerah/bahagian/kampung/rumah panjang dan memenuhi takrifan *off site*)
- f) **Pengurusan Pustaka** merujuk kepada Pegawai Pustaka yang telah diberi kuasa untuk meluluskan permohonan di Borang permintaan pembelian/perkhidmatan.
- g) **Jamuan ringan** bermakna minum pagi atau minum petang.---

- h) **Mesyuarat Dalaman** bermakna sesuatu perbincangan atau seumpamanya yang di adakan berkaitan urusan rasmi pejabat dan di adakan di kampus masing-masing serta dipengerusikan oleh mana-mana Pengurusan Tertinggi
- i) **Pengurusan Tertinggi** adalah termasuk Ketua Pegawai Eksekutif/ Timbalan-Timbalan KPE/ Ketua Sektor dan Pengurus-pengurus.

### 3.0 PELAKSANAAN

3.1 Kadar Jamuan untuk **Aktiviti** dan **Mesyuarat** untuk seorang adalah:

Jamuan	Staf/Orang Awam/Agensi Luar (RM)	
	<i>On Site</i>	<i>Off Site</i>
Pagi	Sehingga 15.00	Sehingga 20.00
Tengah Hari	Sehingga 35.00	Sehingga 40.00
Petang	Sehingga 15.00	Sehingga 20.00
Makan malam	Sehingga 40.00	Sehingga 45.00
Makan lewat malam	Sehingga 15.00	Sehingga 20.00

3.2 Kadar jamuan untuk **Aktiviti** yang tersenarai di dalam Tatacara Perolehan Terus Bekalan/Perkhidmatan untuk "common items" adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatan Kuasa Perolehan Terus (JPT) atau tertakluk kepada Pakej terendah dan mengutamakan kerajaan.

3.3 Semasa **Mesyuarat Dalaman** bersama staf, **jamuan ringan** yang dihidangkan adalah seperti biskut kering, kuih muih tempatan dan minuman teh/kopi yang sedia ada dibekalkan di pantri staf.

### 4.0 PENGECUALIAN

4.1 Perkara 3.3 dikecualikan bagi Pustaka Sibu dan Pustaka Miri

### 5.0 TANGGUNGJAWAB

5.1 Adalah menjadi tanggungjawab semua staf Pustaka untuk memastikan dan mengawal perbelanjaan supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan sehingga mendatangkan pembaziran.

5.2 Pengurusan Pustaka berhak untuk menyesuaikan kadar jamuan yang dimohon sekiranya didapati tidak munasabah.

5.3 Pegawai pemohon/ penganjur Aktiviti atau Mesyuarat memastikan penyediaan jamuan mengikut jumlah peserta dengan mengutamakan penjimatan dan mengelakkan pembaziran.

## 6.0 TARIKH KUAT KUASA

6.1 Surat pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan serta membatalkan mana-mana pekeliling yang pernah dikeluarkan sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, sweeping loop on the left and a more complex, stylized set of strokes on the right.

**TUAN HAJI JAPRI HAJI BUJANG MASLI**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pustaka Negeri Sarawak